

**KOLEKSI PERCUBAAN 2018 UPSR PELBAGAI NEGERI
- BAHASA MELAYU (PENULISAN)**

**KEDAH (SK)
SOALAN 1**

Majlis Riang Ria Aidilfitri
Warga **SKBJ 1439H/2018**

28 Jun 2018 / 14 Syawal 1439h (Khamis)
7.45 pagi - 12.45 tengah hari
SK Bestari Jaya

Aktiviti

- Perhimpunan Khas—Doa, Ucapan Wakil Murid, Ucapan Wakil Guru, Ucapan Guru Besar
- Pertandingan Mewarna dan Mereka Kad Ucapan
- Sesi Bergambar—guru-guru dan murid-murid
- Jamuan—Nasi Tomato, Laksa, Laksam, Rojak, Bihun Sup, Ketupat, Lemang, Kuih-muih,
- Tetamu Utama—Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bestari Jaya, Mantan Guru Besar dan Guru-guru, Ahli Jawatankuasa PIBG, Penduduk setempat.

Baru-baru ini sekolah kamu telah mengadakan Majlis Riang Ria Aidilfitri. Tulis catatan tentang sambutan perayaan tersebut. Tulis catatan kamu dengan selengkapnya.

Pada 22 Ogos 2018 yang lalu, SK Bukit Jelutung telah mengadakan majlis sambutan hari Raya Aidilfitri yang bertempat di Dewan Mutiara, bagi menyambut bulan Syawal yang datang selepas sebulan berpuasa pada bulan Ramadan yang lalu. Majlis ini bermula tepat jam 7.45 pagi yang mana semua murid dan guru diminta untuk berhimpun di Dewan Mutiara. Semua guru dan murid berpakaian cantik sekali dan indah mata dipandang oleh mereka yang hadir.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh pengacara majlis pada hari tersebut iaitu Ustaz Muhammad Farhan dan Ustaz Muhammad Suyuthi. Setelah itu, majlis mempersilakan Ustaz Ramli Majid untuk membacakan doa bagi memberkati majlis agar dapat berjalan dengan lancar. Selesai sahaja bacaan doa, majlis telah menjemput wakil pentadbir iaitu Encik Mohammad Hazlee selaku GPK 1 untuk memberikan sedikit ucapan kepada murid-murid sebelum acara persembahan di dewan bermula.

Selesai sahaja ucapan wakil guru, para guru diminta untuk ke dataran perhimpunan bagi sesi bergambar sempena dengan majlis yang diadakan pada hari tersebut. Setelah itu, acara persembahan murid menyusul selepas sesi bergambar. Bagi persembahan yang pertama, diwakili oleh kumpulan qasidah bawah bimbingan Ustaz Wan Mohd Saufi dan Cikgu Wan Mohd Firdaus. Persembahan kedua pula iaitu nyanyian nasyid bawah bimbingan Ustaz Farhan dan Cikgu Abdul Rahim. Untuk persembahan murid yang terakhir pula nyanyian lagu raya bawah seliaan Ustaz Suyuthi. Selesai persembahan murid-murid, giliran guru-guru pelatih pula membuat persembahan nyanyian raya secara berduet.

Selesai acara persembahan guru dan murid sebentar tadi, murid-murid dilepaskan selama 40 minit untuk sesi rehat bagi Tahap 1 dan Tahap 2. Selepas sahaja sesi rehat murid-murid, tibalah acara jamuan yang dinantikan oleh semua guru dan juga murid-murid. Pelbagai juadah seperti nasi, kuih-muih, pencuci mulut dan sebagainya disediakan oleh guru-guru sendiri. Untuk murid-murid pula, pihak sekolah telah menyediakan nasi bungkus, air minuman dan ais krim kepada mereka semua.

Tepat jam 12.30 tengah hari, majlis ini telah tamat dengan jayanya. Diharapkan majlis ini dapat memberikan kenangan manis kepada semua guru dan murid khususnya murid Tahun 6 yang bakal meninggalkan sekolah ini tidak lama lagi. Terima kasih kepada semua guru dan murid yang telah bertungkus-lumus bekerja bagi menjayakan majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini dengan baiknya.

SOALAN 2

MASA ITU EMAS

Berdasarkan peribahasa di atas, tulis karangan tentang cara-cara mengisi masa lapang.

Pelbagai istilah tentang masa yang kita dengar atau lihat. Antaranya ialah "Masa itu Emas", "Masa ialah Kehidupan" dan sebagainya. Ini menunjukkan masa sangat penting dalam kehidupan kita kerana masa yang berlalu tidak dapat diganti. Oleh itu, kita harus bijak mengurus masa supaya tidak membazir begitu sahaja.

Aktiviti yang paling bermanfaat untuk mengisi masa lapang ialah membaca. Pelbagai bahan bacaan dapat dibaca seperti buku rujukan, surat khabar, novel, majalah, jurnal dan sebagainya. Aktiviti membaca dapat menambah ilmu pengetahuan dan mematangkan minda kita.

Masa juga dapat digunakan dengan berfaedah apabila kita memenuhinya dengan melakukan hobi yang bermanfaat. Misalnya hobi mengumpul setem, bersukan, melancong, berekreasi dan sebagainya. Sudah tentu kita berasa gembira sekiranya masa lapang diisi dengan melakukan perkara yang kita suka.

Selain itu, kita dapat menggunakan masa yang terluang dengan membantu ibu bapa membuat kerja-kerja rumah. Kita perlu faham situasi ibu bapa kita yang penat bekerja seharian. Oleh itu, jika kita membantu mereka mengemas rumah, menyapu sampah dan sebagainya, secara tidak langsung kita dapat meringankan beban mereka. Kita juga akan dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Di samping itu, kita dapat menggunakan masa yang terluang dengan menziarahi sanak saudara dan rakan-rakan. Selain dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama sanak saudara dan rakan-rakan. Kita juga dapat bersiar-siar untuk menambahkan pengalaman.

Tuntasnya, masa yang terluang mestilah digunakan dengan bijak. Kita haruslah melatih diri supaya dapat menguruskan masa dengan baik agar masa tidak terbuang begitu sahaja. Masa itu emas dan perlu dihargai.

KELANTAN (SK)

SOALAN 1

Unit kokurikulum sekolah kamu telah mengadakan perkhemahan pengakap untuk memberi pengalaman kepada ahli-ahli tentang aktiviti perkhemahan. Sebagai setiausaha pengakap kamu dikehendaki menulis catatan tentang perkhemahan tersebut. Tulis catatan kamu selengkapnya.

Jumaat, 10 Jun 2018

Aku tiba di sekolah untuk mengikuti satu perkhemahan pengakap yang diadakan di Bukit Ayer. Setelah mendengar taklimat daripada Cikgu Kamal Ahmad, kamipun bertolak. Ahli pengakap yang terlibat seramai 30 orang dan disertai oleh lima orang guru.

Setelah tiba, kami dibahagikan kepada lima kumpulan. Kami diarah membersihkan kawasan. Setelah itu, kami mendirikan khemah. Aku dan beberapa orang rakan diarah mencari kayu api untuk digunakan semasa memasak dan untuk dijadikan unggun api.

Sabtu, 11 Jun 2018

Selepas sembahyang subuh, kami bersarapan. Selepas itu, kami mengadakan aktiviti senaman. Kemudian aktiviti berkawad diadakan. Banyak yang aku pelajari semasa aktiviti ini.

Pada waktu petang kami menjalankan aktiviti meredah hutan. Melalui aktiviti ini, kami dapat mengetahui tentang flora dan fauna yang terdapat di hutan ini. Kami juga bermandi-manda di air terjun yang berdekatan.

Pada waktu malam, telah dijalankan aktiviti unggun api. Melalui aktiviti ini, setiap kumpulan perlu mengadakan persembahan. Kumpulan aku mengadakan persembahan dikir barat. Aku sungguh seronok ketika membuat persembahan.

Ahad, 12 Jun 2018

Pada pagi ini telah dijalankan aktiviti pertolongan cemas dan ikatan. Selepas makan tengah hari, kami bersiap-siap untuk pulang. Kami membuka khemah dan membersihkan kawasan perkhemahan.

Pada pukul 2.00 petang, kami bertolak pulang. Aku berasa gembira dapat mengikuti perkhemahan ini kerana banyak pengetahuan dan pengalaman yang aku peroleh.

SOALAN 2

Sewaktu pulang dari sekolah kamu ternampak sebuah rumah telah terbakar. Ceritakan tindakan yang kamu lakukan apabila melihat kejadian tersebut. Ceritakan pengalaman kamu selengkapnya.

Pada suatu petang, ketika pulang dari sekolah, aku ternampak asap tebal berkepul-kepul di udara. Aku segera berlari untuk melihat apa yang berlaku. Ketika itu aku berasa bimbang kerana lokasi asap tebal itu berdekatan dengan rumahku. Rupa-rupanya rumah Tok Lebai yang terbakar.

Aku segera pergi memberitahu ibu bapa. Ramai penduduk kampung yang datang dan mereka bertungkus-lumus memadamkan api tersebut. Sementara itu, aku segera menelefon pihak bomba. Kira-kira 20 minit kemudian, bomba pun sampai ke tempat kejadian. Setengah jam berikutnya, api yang marak itu berjaya dipadamkan tetapi malangnya rumah Tok Lebai telah pun musnah sama sekali dijilat api.

Pihak bomba menyatakan bahawa punca kejadian itu mungkin akibat daripada litar pintas. Syukurlah kerana tiada kemalangan jiwa berlaku. Tok Lebai dan keluarganya mengucapkan terima kasih kepada semua yang datang menolong memadamkan kebakaran rumah mereka.

Memandangkan Tok Lebai jiran terdekat kami, ibu bapaku mengajak Tok Lebai sekeluarga menumpang di rumah kami untuk sementara waktu. Semasa di rumah kami, Tok Lebai selalu kelihatan muram kerana mungkin mengenangkan peristiwa pahit yang melanda keluarganya.

Selang tiga bulan kemudian, rumah Tok Lebai telah siap dibina semula hasil daripada sumbangan dan gotong-royong penduduk kampung. Tok Lebai berasa amat gembira dan mengucapkan terima kasih kepada keluarga kami dan juga penduduk kampung yang banyak membantu mereka.

TERENGGANU (SK)

SOALAN 1

Hari Kemerdekaan telah disambut pada setiap tahun di negara kita.

Tulis satu laporan lengkap tentang aktiviti-aktiviti sempena sambutan Hari Kemerdekaan tersebut.

Laporan Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Sekolah SK Seri Kampung Tengah 2018

Setiap tahun, pada 31 Ogos, negara kita menyambut ulang tahun Hari Kebangsaan. Perayaan ini disambut sebagai memperingati tarikh negara kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pada hari tersebut, Jalur Gemilang akan dikibarkan di tempat-tempat tertentu. Antara tempat tersebut termasuklah pejabat, sekolah, rumah kediaman, kedai dan bangunan kerajaan.

Sekolah SK Seri Kampung Tengah telah mengadakan Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan pada 24 Ogos 2018. Sambutan dimulakan dengan bacaan doa, nyanyian lagu rasmi iaitu Lagu Negaraku, lafaz ikrar oleh ketua pegawai, persembahan deklamasi sajak kemerdekaan oleh Siti Nurul Khairiah dari Tahun 6A dan Nurshafiqah dari Tahun 6B.

Ceramah kemerdekaan juga telah disampaikan oleh penceramah undangan iaitu Tuan Haji Kassim bin Ahmad kepada warga sekolah. Tujuan ceramah disampaikan adalah untuk menanam perasaan cinta rakyat Malaysia terhadap Negara. Kemerdekaan daripada penjajahan bukanlah sesuatu yang mudah kerana ramai pahlawan serta pejuang kemerdekaan terpaksa berkorban harta dan nyawa bagi memastikan negara terlepas daripada belenggu penjajahan yang menyeksakan.

Kemudian murid-murid dan warga sekolah mengibarkan Jalur Gemilang sambil menyanyikan lagu-lagu patriotik iaitu Tanggal 31, Satu Malaysia dan Jalur Gemilang. Murid-murid gembira dan bangga apabila mendengar lagu berkumandang di udara. Perasaan kasih dan cintakan negara tertanam dalam jiwa murid-murid.

Pertandingan koir patriotik telah diadakan sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan. Semua kelas tahap dua menyertai pertandingan ini dan tiga kelas telah dipilih sebagai pemenang iaitu juara dimenangi oleh Tahun 6 Anggerik, naib juara dimenangi oleh Tahun 5 Bakawali dan tempat ketiga dimenangi oleh Tahun 6 Bakawali. Bagi prasekolah, tahap 1 dan pendidikan khas telah diadakan pertandingan mewarna tema kemerdekaan. Acara ini mendapat sambutan yang baik daripada murid-murid.

Kesimpulannya, aktiviti seperti ini mesti diadakan setiap tahun agar jati diri setiap warga negara Malaysia sentiasa terukir dalam jiwa warga sekolah. Kibarkan Jalur Gemilang di seluruh kawasan bagi melambangkan semangat cinta akan tanah air. "Malaysiaku Berdaulat Tanah Tumpahnya Darahku".

OALAN 2

Setiap ahli keluarga mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan keluarga sentiasa bahagia. Tulis karangan tentang cara-cara mewujudkan keluarga bahagia.

Isu-isu yang berkaitan dengan keluarga kerap dibincangkan dalam majalah keluarga dan televisyen. Isu-isu ini dibincangkan kerana ingin memberi panduan kepada ibu bapa dalam membentuk sebuah keluarga yang bahagia. Terdapat beberapa cara yang boleh dilakukan dalam membentuk sebuah keluarga bahagia.

Cara yang utama dalam membentuk sebuah keluarga bahagia ialah dengan mengamalkan nilai sayang-menyayangi dalam keluarga. Anak-anak mesti menyayangi ibu bapa mereka dengan sepenuh hati di samping mendengar segala nasihat mereka. Kasih sayang ini merupakan teras utama dalam kebahagiaan rumah tangga.

Kesihatan ahli keluarga juga memainkan peranan penting dalam membentuk keluarga bahagia. Ibu bapa mesti memastikan kesihatan ahli keluarga berada dalam keadaan yang baik. Jika terdapat ahli keluarga yang sakit, ibu bapa mesti segera membawa mereka ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

Selain menyediakan keperluan asas, ibu bapa juga mesti memberikan pelajaran kepada anak-anak. Pelajaran amat penting kepada anak-anak kerana anak-anak yang berpelajaran tinggi akan mendapat pekerjaan yang baik. Sesungguhnya, keluarga yang berpelajaran tinggi dapat membantu pembangunan negara.

Keluarga yang bahagia akan dapat dibentuk jika keselamatan anggota keluarga terjamin. Oleh itu, ibu bapa perlu memastikan keselamatan anak-anak terjaga ketika berada di rumah mahupun di luar rumah. Kemalangan yang berlaku bukan sahaja akan menyusahkan anak-anak tetapi juga turut menyusahkan ibu bapa.

Konklusinya pembentukan keluarga yang bahagia akan memberikan kesan positif kepada masyarakat dan negara. Dalam membentuk sebuah keluarga bahagia, ibu bapa dan anak-anak mesti saling memahami dan bertanggungjawab. Pihak kerajaan juga boleh memainkan peranan dalam membentuk keluarga bahagia dengan mengadakan Kempen Keluarga Bahagia melalui media massa seperti stesen televisyen dan radio.

KEDAH (SJK)

SOALAN 1

Sajak di atas menjelaskan kebaikan buah-buahan tempatan. Rakyat Malaysia digalakkan makan lebih banyak buah-buahan tempatan berbanding yang diimport. Ceritakan tentang kebaikan buah-buahan tempatan.

Buah-buahan tempatan ialah buah-buahan yang terdapat di negara kita Malaysia. Buah-buahan tempatan ialah durian, rambutan, langsung dan lain-lain lagi. Buah-buahan ini murah diperoleh di negara kita baik di gerai mahupun di kompleks beli belah.

Rakyat Malaysia digalakkan mengambil buah-buahan tempatan kerana buah-buahan tempatan masih segar. Oleh itu, buah-buahan ini tentu lebih berkhasiat kerana kandungan berbagai-bagai jenis zat dan vitaminnya masih terpelihara dan ini tentunya lebih baik untuk kesihatan kita. Senario ni berbeza sekali dengan buah-buahan yang diimport kerana perlu diperam di dalam kotak kerana mengambil masa untuk tiba ke sesebuah destinasi.

Buah-buahan tempatan juga mudah didapati terutama pada musim buah-buahan. Pokok buah-buahan ini seperti pisang dan betik boleh kita tanam sendiri di sekeliling rumah, apatah lagi sekiranya kita tinggal di kampung. Senario ini akan memudahkan kita mendapatkan buah-buahan ini tanpa perlu pergi ke kedai dan sebagainya.

Buah-buahan tempatan juga dapat membantu meningkatkan ekonomi negara. Apabila kita lebih gemar memilih buah-buahan tempatan, ini akan meningkatkan pendapatan petani dan seterusnya dapat menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan. Secara tidak langsung kita telah membantu negara dalam menyediakan peluang pekerjaan dan meningkat ekonomi negara.

Intihanya, kita digalakkan makan buah-buahan tempatan kerana banyak kebaikannya. Tambahan pula buah-buahan tempatan didapati lebih murah daripada buah-buahan import. Oleh sebab itu, rakyat Malaysia dapat menikmati buah-buahan ini tanpa mengira kaya atau miskin.

SOALAN 2

Baru-baru ini, kes demam denggi berlaku lagi di negara kita. Masyarakat berusaha membasmi pembiakan nyamuk aedes, pembawa denggi.

Tulis catatan tentang aktiviti gotong-royong yang diadakan di sekolah anda untuk membasmi nyamuk aedes.

7.45 pagi

Semua peserta gotong-royong yang hadir mendaftarkan diri mengikut kategori masing-masing. Selepas itu, kami berkumpul di Dataran Budi untuk mendengar taklimat daripada penyelaras gotong-royong. Kami dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut tugas masing-masing.

8.00 pagi

Gotong-royong bermula dan kami membersihkan kawasan persekitaran. Kami membuang air yang bertakung di dalam pasu bunga supaya nyamuk aedes tidak membiak. Kami juga membersihkan longkang agar aliran air menjadi lancar.

10.00 pagi

Kami berehat di kantin sambil menikmati hidangan mi goreng dan air sirap limau. Hidangan tersebut disediakan oleh kumpulan guru-guru dan kaum ibu yang hadir ke gotong-royong kali ini. Kami menjamu selera sambil berbual-bual dengan pesertayang lain.

10.30 pagi

Kami masuk ke kelas semula untuk menyudahkan kerja-kerja yang belum selesai. Kami mengemas semua alatan yang telah digunakan. Kami juga membuang semua sampah ke dalam tong sampah besar yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK).

11.00 pagi

Kami berkumpul semula di Dataran Budi untuk mendengar taklimat penutup yang disampaikan oleh Cikgu Azman Ahmad. Setelas kesemua alatan dikumpulkan, kami dibenarkan pulang ke rumah masing-masing. Kami amat berpuas hati kerana dapat menyertai aktiviti gotong-royog ini.

PERAK (SJK)

SOALAN 2

Puisi di atas menceritakan tentang kebaikan bermuafakat.

Tulis satu karangan tentang pengalaman kamu menyertai aktiviti gotong-royong.

Saya dan murid-murid tahap dua SK.Jalan Matang Buluh telah menyertai aktiviti gotong-royong. Gotong-royong pada tahun ini diadakan sempena sambutan Hari Alam Sekitar. Selain itu, gotong-royong ini telah dirancang oleh pihak sekolah kami sejak tiga bulan yang dahulu.

Tepat pada pukul 8.00 pagi, murid-murid dan warga sekolah sudah berkumpul di dewan sekolah. Ada yang membawa cangkul, sabit, parang, dan pongkes. Peralatan ini digunakan untuk menjayakan aktiviti gotong-royong tersebut. Sebelum aktiviti bermula, guru besar telah menyampaikan ucapan ringkas dan taklimat tentang aktiviti gotong-royong.

Kami dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah mencuci longkang, mengecat, menyapu, mengelap tingkap, memotong rumput dan sebagainya. Kumpulan-kumpulan kecil ini memudahkan kerja-kerja gotong-royong dijalankan dengan lebih teratur.

Pada masa yang sama, guru-guru wanita sibuk menyediakan makanan dan minuman di pekarangan sekolah. Pelbagai jenis juadah seperti mi goreng, nasi tomato, dan kari ayam disediakan. Mereka bersatu hati menjayakan program gotong-royong ini.

Pada pukul 11.45 pagi, semua kerja pembersihan telah pun selesai. Petugas-petugas telah berkumpul semula di kantin untuk berehat dan menjamu selera. Walaupun nampak letih tetapi semangat kerjasama, kemesraan dan suasana muhibah telah terjalin antara guru dan murid yang terlibat menjayakan gotong-royong.

Aktiviti gotong-royong merupakan satu daripada aktiviti yang mampu menjalin ikatan silaturahim. Di samping itu, penerapan nilai-nilai murni juga dapat dipraktikkan. Malahan, semangat hormati-menghormati dalam kalangan warga sekolah dapat diperkasakan.

Ibu Bapa Saya

Setiap orang di dunia ini pasti memiliki ayah dan ibu. Tanpa mereka pasti kita tidak dapat melihat keindahan alam maya pada ini. Saya juga memiliki seorang ayah.

Ayah saya seorang pesawah padi. Dari kecil ayah membanting tulang untuk menyara keluarga. Walaupun penat, namun ayah gunakan kudrat yang ada agar kami tidak kelaparan.

Saya mempunya enam orang adik beradik. Namun begitu, ayah tetap berusaha memberikan pelajaran kepada anak-anaknya. Kini abang dan kakakku telah berada di menara gading.

Saya menghormati ayah kerana dia amat baik dan penyayang kepada kami. Teguran yang diberikan secara lemah lembut namun berkesan. Saya tidak pernah melihat ayah marah wala dalam apa-apa jua situasi. Amat tinggi kesabaran yang dalam dalam diri ayah.

Ayah amat peka akan hal-hal yang berkait dengan agama. Sejak kecil kami diajar bersolat dan berpuasa pada bulan Rmadan. Ayah sering berkata bahawa agama itu menyekat kita daripada terjerumus dalam gejala yang tidak sihat.

Akhirul kalam,saya mendoakan ayah sentiasa sihat dalam menjalani kehidupan ini. Ayah menjadi tempat kami mencurah segala masalah dan pertolongan. Saya berdoa semoga ayah panjang umur dan saya berjanji akan membalas segala jasa baik ayah kepada kami sekeluarga.

Sumabang kepada Negara

Malaysia merupakan negara yang amat saya sayangi. Saya amat berbangga dilahirkan di negara ini. Malaysia kini antara negara yang terkenal di mata dunia.

Saya akan belajar dengan bersungguh-sungguh untuk Malaysia. Justeru, saya akan menjadi seorang doktor demi merealisasikan impian saya. Dengan ini saya akan membantu merawat masyarakat yang sakit demi negaraku yang tercinta.

Saya juga akan patuh kepada perlembagaan negara kita. Saya tidak akan berbuat sesuatu yang melanggar peraturan dan perlembagaan negara. Senario ini penting supaya negara akan menjadi aman dan bahagia.

Saya juga akan memiliki semangat patriotisme yang tinggi. Saya sanggup berjuang demi negara yang tercinta. Saya tidak akan menjadi pengkhianat walaupun ditaburkan dengan pelbagai kemewahan.

Akhir sekali, saya akan menjadi warganegara yang baik. Nilai-nilai murni akan saya amalkan pada sepanjang masa. Justeru, negara Malaysia memiliki bangsa yang kuat walaupun terdiri daripada pelbagai kaum.

Tamsilnya, saya akan berusaha untuk menyumbang apa-apa sahaja kepada negara. Sumbangan kita amat penting dalam memastikan negara kita menjadi gah di persada dunia. Jangan tanya apa yang negara sumbang kepada kita tetapi kita perlu bertanya apa yang kita sumbang kepada negara.

Wartawan : Salam sejahtera saudara Hafiz. Tahniah kerana ditabalkan sebagai Tokoh Sukan Sekolah.

Hafiz : Sama-sama dan saya tidak menyangka sama sekali akan memperoleh anugerah ini.

Wartawan : Saya dimaklumkan bahawa saudara Hafiz memang hebat dalam acara 100 meter dan 200 meter lari pecut. Bagaimanakah saudara Hafiz boleh cemerlang dalam acara ini.

Hafiz : Sejak kecil lagi saya suka berlum lari dengan rakan-rakan saya sama ada di rumah mahupun di sekolah sewaktu mata pelajaran pendidikan jasmani. Saya baru menyedari kelebihan saya ini selepas saya tidak pernah ditewaskan oleh rakan-rakan kita berlumba lari.

Wartawan : Siapakah yang menggilap bakat larian saudara Hafiz ?

Hafiz : Cikgu Deen yang telah mengetahui bakat saya ini telah melatih saya dan murid-murid lain dalam bidang olahraga. Beliau telah melatih kami cara-cara permulaan larian yang betul dan cara-cara untuk menjaga pernafasan ketika berlari. Kami juga diarahkan berlari 10km pada setiap petang untuk mengekalkan stamina.

Wartawan : Apakah kejayaan yang telah dikecapi pada tahun 2018 ini ?

Hafiz : Saya telah memenangi acara pecut 100 meter dan 200 meter di peringkat sekolah. Seterusnya, saya memenangi acara yang sama di peringkat Daerah Petaling dan yang menggembirakan saya apabila memenangi kedua-dua acara tersebut di peringkat negeri. Kini saya akan mewakili negeri Selangor untuk peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Sarawak pada bulan hadapan.

Wartawan : Terima kasih saudara Hafiz dan saya mendoakan semoga berjaya dalam bidang olahraga ini dan dapat mewakili negara pada masa

Hafiz hadapan.
 : Sama-sama.

YEEEEYYYYYYYYY KERJA DAH SIAP....

ANDREWCHOO.EDU.MY